

Cadangan Jawapan

10. (a) (i) Peratusan margin untung kasar

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM16 000}}{\text{RM82 000}} \times 100\% \\ &= 19.51\% \end{aligned}$$

- (ii) Peratusan margin untung bersih

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM21 600}}{\text{RM82 000}} \times 100\% \\ &= 26.34\% \end{aligned}$$

- (iii) Peratusan pulangan atas modal

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM21 600}}{\text{RM96 900}} \times 100\% \\ &= 22.29\% \end{aligned}$$

- (iv) Nisbah semasa

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM83 000}}{\text{RM34 000}} \\ &= 2.44 : 1 \end{aligned}$$

- (v) Pusing ganti stok

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM66 000}}{\text{RM22 500}} \\ &= 2.93 \text{ kali} \end{aligned}$$

- (vi) Pusing ganti aset

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM82 000}}{\text{RM152 500}} \\ &= 0.54 \text{ kali} \end{aligned}$$

- (b) (i) *Melisa Beauty Care* dapat memperoleh untung kasar sebanyak RM0.20 bagi setiap ringgit jualan.
(ii) *Melisa Beauty Care* dapat memperoleh untung bersih sebanyak RM0.26 bagi setiap ringgit jualan.
(iii) *Melisa Beauty Care* dapat memperoleh untung bersih sebanyak RM0.22 bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.
(iv) *Melisa Beauty Care* mempunyai aset semasa sebanyak RM2.44 untuk membiayai setiap ringgit liabiliti semasa.
(v) *Melisa Beauty Care* telah membeli stok baharu sebanyak 2.93 kali dalam satu tahun kewangan untuk menggantikan stoknya.
(vi) *Melisa Beauty Care* dapat menjana 0.54 kali jualan bagi setiap ringgit aset yang dimiliki.
- (c) (i) Daripada nisbah yang diperoleh, didapati bahawa keupayaan *Melisa Beauty Care* untuk menjana untung, sama ada untung kasar atau untung bersih adalah memuaskan. Selain itu, pulangan yang diperoleh daripada pelaburan yang dibuat oleh *Melisa Beauty Care* juga memuaskan.
(ii) Melalui nisbah yang dihitung, didapati bahawa keupayaan *Melisa Beauty Care* untuk membayar hutang jangka pendek adalah baik.
(iii) Daripada nisbah yang dihitung, didapati bahawa keupayaan *Melisa Beauty Care* dalam pengurusan stok adalah tidak cekap. Di samping itu, *Melisa Beauty Care* juga tidak dapat menggunakan aset yang sedia ada dengan cekap untuk menjana jualan yang lebih tinggi.